

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
[SIPITANG]**

TARIKH : 8 MAC 2016 (SELASA)

SOALAN : 9

Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah diambil untuk membendung penyalahgunaan media sosial khususnya aplikasi Whatsapp, untuk mencetuskan suasana kegusaran dan kerisauan di kalangan orang ramai, terutamanya berkaitan aspek keselamatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya pohon keizinan untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada **YB Pasir Mas 10 Mac 2016 YB Sabak Bernam 6 dan April 2016** kerana menyentuh perkara yang sama iaitu berkenaan **isu kebebasan media, penyalahgunaan kandungan Internet dan media sosial.**

Bagi memperkukuhkan mekanisme kawalselia Internet dan media baru, Kerajaan telah menubuhkan satu **Jawatankuasa Khas Membanteras**

SOALAN NO: 9

Penyalahgunaan Media Sosial yang dipengerusikan oleh YB Menteri Komunikasi dan Multimedia dan dianggotai oleh pihak Kementerian, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan Jabatan Peguam Negara (AGC).

Jawatankuasa Khas ini ditubuhkan untuk memastikan tindakan tegas akan dikenakan terhadap pihak yang menggunakan media sosial dengan tujuan untuk menyemai kebencian terhadap institusi kerajaan dan bagi mengelakkan media sosial daripada menjadi punca pencetus kekacauan melalui penyebaran pembohongan, kebencian dan kumpulan ekstremis agama. Selain daripada itu jawatankuasa berperanan memperkukuhkan koordinasi dan jalinan kerjasama antara agensi bagi memantau dan membanteras isu-isu berkaitan penyalahgunaan Internet dan media baru.

Sejak penubuhan jawatankuasa tersebut pada Januari 2016, sebanyak 52 laman telah disekat dan 14 kes telah disiasat, oleh MCMC di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Secara keseluruhan, sehingga Februari 2016, sebanyak 22 kes (TBC) telah disiasat oleh MCMC terhadap penyalahgunaan internet dan media baru, dan 399 laman telah disekat. Antara laman-laman web yang disekat termasuklah laman-laman web perjudian, penipuan, pelacuran, serta laman-laman web yang memaparkan kandungan lucah, jelik, palsu dan sebagainya.